



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	JADUAL GAJI	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	BIL KEKOSONGAN
1.	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA29	RM1,549.00 – RM5,701.00 ITKA - RM160.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM145.00	1 (TETAP)
2.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N19	RM1,352.00 – RM4,003.00 ITKA - RM115.00 ITP - RM300.00 BANTUAN - RM300.00 SARA HIDUP	RM100.00	2 (KONTRAK)

### B. SYARAT LANTIKAN JAWATAN

#### JAWATAN 1 – PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA GRED JA29

##### 1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (d) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. ;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02); atau
- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

## **2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengguna Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**4. Taraf Jawatan : Tetap**

**5. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)**

**6. Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan**

## **JAWATAN 2 – PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N19**

### **1. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  - (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00; atau
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
    - (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
      - (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)

## **2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. Taraf Jawatan** : Kontrak
- 4. Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- 5. Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran dan sokongan

## **C. CARA-CARA MEMOHON :**

1. Semua permohonan jawatan **DIMESTIKAN** menggunakan Sistem Permohonan Perjawatan secara atas talian bagi mengisi Borang Permohonan Perjawatan dengan melayari [portal.mpag.gov.my/emohon/](http://portal.mpag.gov.my/emohon/) dan klik di pautan yang disediakan dengan mendaftar masuk sebagai pengguna dan terus *login* ke borang permohonan.
2. Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada pautan iklan jawatan kosong di laman web MPAG.
3. Pemohon dari kalangan **pegawai sedang berkhidmat** dalam perkhidmatan Kerajaan/ Badan - Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki mengemukakan **permohonan melalui Ketua Jabatan** dan mengisi borang **Pengesahan Ketua Jabatan** di **LAMPIRAN A**.
4. Permohonan yang **TIDAK** dibuat menerusi Sistem Permohonan Jawatan secara atas talian akan **DITOLAK**.
5. Pemohon dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Arahan Pengisian** sebelum memohon jawatan. Pemohon **DIMESTIKAN** memuat naik **gambar terkini berukuran pasport, kad pengenalan dan dokumen sokongan akademik yang berkaitan dengan kelayakan jawatan dipohon yang telah disahkan** dengan ukuran tidak melebihi 2MB. Kegagalan mengisi maklumat dengan lengkap serta tidak memuat naik dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan calon **DITOLAK**.
6. Ijazah/ Diploma/ Sijil yang diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semanan.php>, manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, boleh disemak pada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.

D. TARIKH IKLAN DIBUKA : 8 MEI 2023 (ISNIN)

TARIKH IKLAN DITUTUP : 19 MEI 2023 (JUMAAT)

E. CATATAN AM :

1. Permohonan hendaklah sampai ke MPAG sebelum/ pada tarikh tutup. Selepas dari tarikh tersebut permohonan anda tidak akan diterima.
2. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
4. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
5. Keutamaan akan diberikan kepada **calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon**.
6. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

Pengesahan Iklan: (TPr SAIFUDDIN BIN ABDUL KARIM)  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Alor Gajah

## PENGESAHAN KETUA JABATAN

(Untuk diisi oleh Ketua Jabatan bagi permohonan pegawai sedang berkhidmat)

### Arahan

Sila isi ruangan yang disediakan kod jenis hukuman tatatertib yang dikenakan kepada pegawai (termasuk surc妖), tarikh hukuman dan kod pengisytiharan harta oleh pegawai.

#### A. Hukuman Tatatertib

(i) Jenis hukuman : \_\_\_\_\_  
(ii) Tarikh hukuman<sup>1</sup> : \_\_\_\_\_ (kosongkan jika kod 9)

#### Panduan Kod Hukuman Tatertib (Termasuk Surc妖)

- |                             |                                      |
|-----------------------------|--------------------------------------|
| 1 – Amaran                  | 6 – Turun Pangkat                    |
| 2 – Denda                   | 7 – Surc妖                            |
| 3 – Lucut Hak Emolumen      | 8 – Dalam Proses Tindakan Tatatertib |
| 4 – Tangguh Pergerakan Gaji | 9 – Tiada                            |
| 5 – Turun Gaji              |                                      |

#### B. Pengisytiharan Harta Oleh Pegawai

(i) Status pengisytiharan harta : \_\_\_\_\_  
(ii) Tarikh isytihar : \_\_\_\_\_ (kosongkan jika kod 3)

#### Panduan Kod Status Pengisytiharan Harta

- |                                                                     |
|---------------------------------------------------------------------|
| 1 – Pengisytiharan harta telah diluluskan oleh Ketua Jabatan        |
| 2 – Telah isytihar harta tetapi belum diluluskan oleh Ketua Jabatan |
| 3 – Belum mengisytiharkan harta                                     |

“ Saya mengesahkan bahawa kedudukan tindakan tatatertib dan pengisytiharan harta pegawai ini adalah seperti di atas. Disertakan bersama-sama ini ringkasan Kenyataan Perkhidmatan pegawai. Saya **menyokong** / **tidak menyokong**<sup>2</sup> permohonan beliau dan **bersedia** / **tidak bersedia**<sup>3</sup> melepaskannya jika beliau ditawarkan pelantikan ke jawatan yang dipohon”.

TANDATANGAN KETUA JABATAN<sup>4</sup> : \_\_\_\_\_  
NAMA KETUA JABATAN : \_\_\_\_\_  
JAWATAN : \_\_\_\_\_

COP RASMI JABATAN : \_\_\_\_\_  
TARIKH : \_\_\_\_\_

<sup>1</sup> Nyatakan tarikh hukuman yang terakhir jika pegawai dikenakan hukuman yang sama lebih dari sekali.

<sup>2</sup> Potong yang tidak berkenaan.

<sup>3</sup> Potong yang tidak berkenaan.

<sup>4</sup> Maksud “Ketua Jabatan” ini ialah seperti yang ditakrifkan dalam Perintah-Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973.